


BENGKEL MELUKIS & MEWARNA UNEH DAPAT SAMBUTAN MEMBERANGSANGKAN



Sesi bergambar UNEH bersama peserta kanak2, ibubapa dan kakitangan KNSTP di dewan Masjid



Uneh memberi penerangan kepada peserta



Pemenang Kategori Umur 10-12 Tahun



Pemenang Kategori Umur 7-9 Tahun



Pemenang Kategori Umur 4-6 Tahun

21 September 2024 - Sempena cuti sekolah penggal kedua ini, Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad telah menganjurkan Bengkel Melukis & Mewarna Bersama Uneh di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Bangsar Kuala Lumpur. disertai 50 peserta kanak-kanak, bengkel berkenaan dibahagikan kepada ahli Koperasi NSTP, Koperasi TNB dan orang-ramai.

Sdra Hasreen Haji Ismail atau lebih dikenali sebagai UNEH, Raja Pensel Warna telah memberi panduan kepada kanak-kanak yang hadir tentang cara melukis dan mewarna yang betul dan menarik.

Semua peserta diberikan sijil penyertaan, beg goodies yang mengandungi nasi lemak, kuih muih, sebotol air mineral, sekotak pensel warna dan pengasah.

Sdra UNEH menghadihkan buku best seller terbitan Mommy Happy ilustrasi oleh oleh beliau sendiri kepada semua peserta . Pemenang pertandingan telah menerima 9 hadiah untuk 3 kategori umur 4-6, 7-9 & 10-12 tahun.

Terima kasih kepada semua yang terlibat terutama pasukan Koperasi NSTP dan pengurusan Masjid MSABA, penaja hadiah Syarikat Faiza, Yayasan Tenaga Amal Koperasi TNB dan Rakyat Management Services Sdn Bhd dan seluruh peserta juga ibu-bapa yang hadir.

#KOOPNSTP

#MAJUKOPERASIANGGOTABAHAAGIA